

22/11/2001

Seri Paduka mangkat (HL)

KUALA LUMPUR, Rabu - Yang di-Pertuan Agong ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj mangkat di Pusat Rawatan Gleneagles Intan di sini, hari ini setelah gering selama dua bulan kerana masalah jantung.

Seri Paduka yang berusia 75 tahun, menghembuskan nafas terakhir pada jam 11.57 pagi selepas lima hari dalam keadaan tenat sehingga terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan dan mesin dialisis.

Kemangkatan Seri Paduka diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi siaran langsung RTM ke seluruh negara pada jam 1.55 petang ini.

Kerajaan mengisytiharkan tempoh berkabung tujuh hari mulai hari ini dengan semua pihak diminta mengibarkan bendera separuh tiang di seluruh negara sepanjang tempoh itu.

Semua majlis rasmi kerajaan hari ini dan esok dibatalkan bagi menghormati kemangkatan Almarhum. Esok juga diisytiharkan cuti umum bagi memberi peluang kepada rakyat menziarahi jenazah Almarhum di Istana Negara.

Kerajaan Selangor pula mengisytiharkan tempoh berkabung selama 40 hari sebagai menghormati kemangkatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, yang juga Sultan Selangor selama 41 tahun.

Sepanjang tempoh itu, orang besar istana, daerah, kerabat, pegawai dan kakitangan istana perlu memakai pakaian kebangsaan berwarna hitam selama tujuh hari dan songkok hitam berlis putih selebar lima sentimeter selama 40 hari.

Jenazah Almarhum, yang kini ditempatkan di Istana Selangor di sini akan dimakamkan di Makam Diraja Selangor di Klang, pada sebelah petang.

Seri Paduka menghadapi masalah lemah jantung serius sejak 6 Oktober dan diberi rawatan di Hospital Mount Elizabeth di Singapura selama lapan minggu, termasuk seminggu sebagai pesakit luar.

Bagaimanapun, sejak 15 Oktober lalu, keadaan Seri Paduka semakin tenat apabila buah pinggangnya tidak berfungsi. Pada jam 5.30 pagi 18 November, baginda diterbangkan balik dari Singapura dan dimasukkan ke Pusat Rawatan Gleneagles Intan.

Seri Paduka terus memerlukan bantuan pernafasan dan diletakkan di Unit Rawatan Koronari, manakala pernafasan dan fungsi buah pinggang baginda dibantu alat khas.

Seri Paduka dirawat sepasukan 20 pakar Hospital Kuala Lumpur, Institut Jantung Negara (IJN), Hospital Selayang dan Hospital Kajang, dengan dibantu tujuh pakar Pusat Rawatan Gleneagles Intan hingga baginda mangkat pagi ini.

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11 pada 23 September 1999 untuk selama lima tahun, menggantikan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang tamat tempoh sebagai ketua negara.

Almarhum adalah Sultan Selangor kedua dilantik Yang di-Pertuan Agong. Ayahandanya, Sultan Hisamuddin Alam Shah, dilantik Yang di-Pertuan Agong kedua, tetapi baginda mangkat beberapa jam sebelum berlangsungnya istiadat pertabalan pada 1 September 1960.

Sementara itu, orang awam yang ingin memberi penghormatan terakhir kepada jenazah Almarhum boleh berbuat demikian di Istana Negara dari jam 9.45 pagi hingga 11 pagi esok.

Mereka mestilah berpakaian baju kebangsaan hitam dan bersongkok dililit kain putih selebar empat sentimeter bagi lelaki Islam, manakala lelaki bukan Islam diwajibkan berpakaian kot gelap dan bertali leher hitam dengan lilitan hitam 8.5 sentimeter dipakai di sebelah atas lengan kiri.

Wanita Islam pula dikehendaki berbaju kurung atau kebaya labuh dan berselendang putih atau bertudung putih, manakala wanita bukan Islam mesti berpakaian sempurna dan bertudung hitam.

Penghormatan terakhir orang kenamaan pula dijadualkan jam 11 pagi hingga 11.45 pagi.

Sembahyang jenazah Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah akan diadakan di Masjid Negara pada jam 8.20 pagi dan orang ramai dijemput berada di Masjid Negara sebelum jam 7.30 pagi.

Jenazah Yang di-Pertuan Agong akan berlepas dari Masjid Negara ke Istana Negara pada jam 9.20 pagi dan tiba pada 9.40 pagi untuk istiadat penghormatan terakhir.

Pada jam 11.45 pagi, persediaan akan dibuat untuk istiadat mengiringi jenazah dan pada jam 12.15 tengah hari pedati membawa jenazah akan bergerak keluar dari Istana Negara.

Istiadat mengiringi jenazah bermula dari Istana Negara mulai jam 12.30 tengah hari melalui Jalan Istana Baru, Jalan Travers, Jalan Sultan Hishamuddin dan ke pekarangan Bangunan Sultan Abdul Samad berhadapan Dataran Merdeka, untuk dipindahkan ke kenderaan jenazah sebelum dibawa ke Istana Alam Shah, Klang.

Kenderaan jenazah dijangka tiba di Istana Alam Shah pada jam 3 petang.

(END)